

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2014**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.  
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

### **PINDAAN HAD KELAYAKAN PEMBIAYAAN BASIKAL DAN TEMPOH BAYARAN BALIK BAGI SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan had kelayakan pembiayaan basikal dan tempoh bayaran balik bagi Skim Pembiayaan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang

#### **LATAR BELAKANG**

2. Skim Pembiayaan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang adalah sebagaimana Pekeliling berikut:

- (i) Pekeliling Bendahari Bil 4 Tahun 2007
- (ii) Surat Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2008
- (iii) Surat Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2009
- (iv) Manual Pengurusan Kewangan & Akaun KEW/MO/AP/LOAN.01:  
Manual Pinjaman Kenderaan

2.2 Bagi menyokong pembudayaan `Kampus Sihat`, Skim Pembiayaan Kenderaan dipinda bagi memberi galakan kepada staf untuk membeli basikal dan bersukan untuk kesihatan.

## **PINDAAN HAD KELAYAKAN PEMBIAYAAN BASIKAL**

3.1 Had kelayakan pembiayaan basikal maksimum sedia ada dinaikkan daripada RM500.00 kepada RM3,000.00;

3.2 Semua staf adalah dibenarkan untuk membuat permohonan pembiayaan basikal walaupun telah mempunyai pembiayaan kereta atau motosikal tetapi masih tertakluk kepada syarat-syarat dan kelayakan yang ditetapkan dan jumlah potongan baru adalah tidak melebihi 60% daripada gaji pokok dan elaun-elaun lain; dan

3.3 Tempoh pembayaran balik pembiayaan basikal adalah tidak melebihi tiga puluh enam (36) bulan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

4. Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa 1 Januari 2015.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan tugas

  
**ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
Bendahari  
Universiti Malaysia Pahang

12 Disember 2014

s.k - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
- Pendaftar